

Sepanyol tubuhkan persatuan, terbitkan buku

Semakin ramai orang Barat ceburi bidang seni silat

12 AUG 1986



• PARA pemenang Silat Olahraga di upacara penyampaian hadiah. Dari kiri ialah Zahri Hasar dan Azrin Rahim dari Singapura yang telah mendapat tempat ketiga dan pesilat dikenali sebagai Biari dan Mulfachri dari Indonesia yang mendapat tempat pertama.

Oleh DEWANI ABBAS

SENI silat kini semakin tersebar di negara-negara Barat, termasuk di Amerika Syarikat, berdasarkan bilangan mereka yang menceburi bidang ini di negara-negara tersebut sejak kebelakangan ini.

Eif 3

Di antaranya ialah Sepanyol, yang merupakan negara yang mempunyai paling ramai pesilat di Barat — sekitar 3,000.

PENCARAK SINGAPORE

Memandangkan ramainya pesilat di negara itu, sebuah persekutuan silat telah ditubuhkan di sana dan pada tahun ini ia telah menerbitkan sebuah buku khas mengenai silat dalam bahasa Sepanyol.

Inilah di antara perkara-perkara yang diperhatikan oleh rombongan pesilat dari Persekutuan Silat Singapura (Persisi) semasa ia berada di Vienna, Austria, untuk menyertai Kejohanan Silat Antarabangsa bahagian olahraga, dari 26 Julai hingga 3 Ogos lalu.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff yang turut ke kejohanan itu sebagai pegawai, berkata, memandangkan Sepanyol sebagai sebuah negara Eropah, telah berjaya menerbitkan sebuah bu-

ku khas mengenai silat, maka beliau juga berharap Persisi akan dapat menerbitkan buku silat tidak lama lagi.

Popular

Dalam kejohanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Wien di Vienna itu, pesilat-pesilat Singapura telah menduduki tempat ketiga dalam bahagian olahraga. Tempat pertama jatuh pada Indonesia dan kedua, Austria.

Kejohanan itu dibahagikan kepada bahagian

olahraga dan kesenian dan disertai oleh 250 pesilat.

Dalam bahagian olahraga, pesilat-pesilat yang telah mengambil bahagian ialah dari Belanda, Yugoslavia, Malaysia, Sepanyol, Surinam dan Turkey sementara dalam bahagian kesenian, ialah Amerika Syarikat, Perancis dan Switzerland.

Encik Johari, yang juga Timbalan Presiden Persatuan Silat Antarabangsa (Persilat) yang menganjurkan kejohanan tersebut, memberi-

Di Sepanyol, persekutuan silatnya berharap dapat menambah keanggotaannya kepada 5,000 menjelang 1990. Di Austria, Jerman Barat dan Britain masing-masing mempunyai 500 orang, sementara di Surinam 1,000 orang.

— Johari Uriff
Setiausaha Agung Persisi

tahu, seni silat di Eropah kian popular sejak penubuhan persatuan tersebut pada Ogos, 1982.

Di Sepanyol, persekutuan silatnya berharap dapat menambah keanggotaannya kepada 5,000 menjelang 1990. Di Austria, Jerman Barat dan Britain masing-masing bilangan pesilat di sana setahu Encik Johari, ialah 500 orang, sementara di Surinam 1,000 orang.

Mental

Kebanyakan daripada